

TARIKH	29/3/2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	26	RUANGAN	DALAM NEGERI



ABI MUSA ASA'ARI

TaHa sasar lebih satu juta ahli

MELAKA 28 Mac - Kelab Tabung Haji (TaHa) yakin mampu menarik keahlian lebih sejuta orang menjelang akhir tahun ini.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor berkata, sejak dilancarkan lima tahun lalu, kira-kira 975,000 orang telah menyertai kelab itu di seluruh negara.

"Berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan, sasaran lebih sejuta orang dijangka dicapai menjelang akhir tahun ini.

"Ini juga membuktikan penerimaan positif pelajar dalam merancang kewangan untuk pelaburan masa depan selain sebagai persediaan awal ahli-ahli untuk menunaikan fardu haji," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Penyerahan Zakat Perniagaan 2011 oleh lapan syarikat korporat termasuk Lembaga Tabung Haji di Pejabat Yang Dipertua Negeri di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Abi Musa Asa'ari menyampaikan zakat korporat RMI.194 juta kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob sebagai mewakili Pusat Zakat Melaka (PZM).

Menurut Abi Musa Asa'ari lagi, ahli kelab TaHa berpeluang menikmati diskaun menarik setiap kali membeli buku atau keperluan sekolah di kedai-kedai buku seluruh negara.

Kelab TaHa diwujudkan bagi memberi kesedaran kepada golongan muda menyimpan untuk menunaikan haji, mengikut perancangan individu daripada segi masa bergantung kepada jumlah simpanan bulanan termasuk aghlan dividen.

Ia terbuka kepada murid-murid dan pelajar berumur dari tujuh hingga 17 tahun manakala bagi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) berusia 18 tahun ke atas pula boleh menjadi ahli kelab TaHa@u dengan sumbangan serendah RM2.